



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 16 APRIL 2023**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	KEMENTERIAN PERTANIAN SIAP SEDIA HADAPI CUACA PANAS, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	JUALAN SYAWAL MADANI JIMAT SEHINGGA 30 PERATUS, NASIONAL, BH AHAD -14	
3.	JUALAN SYAWAL MADANI DI 113 CAWANGAN, NASIONAL, SH -8	
4.	JAMIN MAKANAN CUKUP KETIKA AIDILFITRI, SEMASA, KOSMO AHAD -15	
5.	ADEQUATE SUPPLY OF EGG, MEAT AND VEGETABLE DURING EID AL-FITR, PEOPLE NOT NEEDING TO STOCK	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/4/2023	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

## Kementerian Pertanian siap sedia hadapi cuaca panas



Mohamad meninjau Jualan Agro Madani di Dataran Usahawan Kompleks Penghulu, Kampung Johan Setia, dekat Klang yang menawarkan harga murah untuk golongan M40 dan B40.

KLANG – Semua pegawai di jabatan dan agensi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sudah bersiap sedia serta memantau dari semasa ke semasa keadaan cuaca panas yang memungkinkan menjejaskan sektor pertanian negara.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, setakat ini semuanya dalam keadaan terkawal dan pihaknya akan memastikan bekalan beras serta barangan keperluan lain berasaskan pertanian sentiasa mencukupi.

“Kita pantau keadaan itu dari semasa ke semasa. Pegawai kita di FAMA, LPP, Mardi dan Bernas setiap masa pantau supaya stok beras sentiasa ada dan mencukupi.

“Ini memang kita pantau dalam bentuk harian, begitu juga dengan bekalan ayam yang turut terjejas dengan cuaca panas. Kita pantau dan pastikan bekalannya mencukupi,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas meninjau dan melancarkan Jualan Agro Madani peringkat kebangsaan di Dataran Usahawan Kompleks Penghulu, Kampung Johan Setia, dekat sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman Hakim; Exco Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal, Mohd Zawawi Ahmad Mughni; dan Pemangku Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri.

Semalam, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad dilaporkan berkata, Malaysia dijangka mengalami cuaca panas berpanjangan sehingga Ogos ini susulan musim peralihan monsun.

Katanya, cuaca panas itu membabitkan semua negeri, namun yang paling terasa adalah negeri di utara dan Pantai Timur.

Menurut Mohamad, kementerianya juga menyediakan pelan kecemasan sekiranya berlaku situasi itu termasuk sesuatu bekalan didapati berkurangan secara mendadak.

"Kalau berlaku kecemasan, jika sudah ada pelan. Kita akan lihat sesuatu bekalan yang berkurangan itu jika perlukan import, kita akan import. Yang penting, kita sentiasa bersiap sedia," katanya. – MalaysiaGazette

Headline	Jualan Syawal Madani jimat sehingga 30 peratus		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	16 Apr 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	56,027
Page No	14	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	430 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh Mahani Ishak	AdValue	RM 14,238
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,714



# Jualan Syawal Madani jimat sehingga 30 peratus

FAMA sedia 113 outlet di seluruh negara bantu ringan beban B40, M40 sambut raya

Oleh Mahani Ishak  
mahani@bh.com.my

**Petaling Jaya:** Penjimatan antara 10 hingga 30 peratus berbanding pasaran luar bakal dinikmati orang ramai yang berbelanja pada Jualan Syawal Madani di 113 outlet pemasaran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutu-

an (FAMA) di seluruh negara.

Ia membabitkan Pasar Tani, Pasar Tani Kekal, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Medan Niaga Satok (MNS).

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata jualan itu bertujuan meringankan beban khususnya golongan B40 dan M40.

FAMA sebagai agensi tidak bermotifkan keuntungan, katanya, tidak berhasrat bersaing dengan peniaga di luar.

"Bagi FAMA, asalkan tidak rugi sudah mencukupi. Kita bukan nak bersaing dengan pasaran luar, mereka boleh terus berniaga seperti biasa setiap hari.

"Kita (FAMA) hanya mahu membantu golongan kurang ber-



Mohamad diiringi Abdul Rashid meninjau gerai pada pelancaran Program Jualan Syawal Madani Peringkat Kebangsaan 2023 di Tapak Pasar Tani Seksyen 6 Kelana Jaya, semalam. (Foto Saifulizzan Tamadi/BH)

ada yang kebanyakan B40 dan M40 atau kelas pertengahan atau bawahan.

"Itu tujuan kita menyelaraskan pasar seperti ini," katanya pada sidang media selepas melancarkan Program Jualan Syawal Madani Peringkat Kebangsaan 2023 di Tapak Pasar Tani Seksyen 6 Kelana Jaya di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Lokman Hakim Ali dan Pemangku Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri.

Mohamad berkata, FAMA menyasarkan nilai jualan RM13 juta di sepanjang program jualan Syawal Madani ini.

"Kementerian memberi jami-

nan bekalan daging, ayam, sayur-sayuran dan kelapa mencukupi untuk sambutan Aidilfitri.

"Kita yakin pengguna juga tidak akan menghadapi masalah mendapatkan barang keperluan itu kerana persediaan awal menambah bekalan sentiasa dibuat oleh agensi di bawah kementerian," katanya.

#### Patuhi skim harga

Dalam pada itu, beliau menjelaskan MAFS hanya membekal barangan keperluan, manakala pengawalan harga tertakluk kepada bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Setiap usahawan di outlet pemasaran FAMA perlu mematuhi Skim Harga Maksimum Musim

Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa 2023 yang dikeluarkan oleh pihak KPDN," katanya.

Mengenai bekalan telur semasa, Mohamad berkata, FAMA akan menampung kekurangan bekalan di lokasi dikenal pasti.

"Insyallah mencukupi dan kita sentiasa bincang jika bekalan tempatan tidak cukup kita akan buat keputusan pada waktu itu dan boleh bertindak segera bagi memenuhi keperluan pasaran.

"Bagaimanapun tiada jangka masa spesifik. Kita turut berbilang dengan semua pihak seperti pengeluar telur, pengguna dan sebagainya dan apabila keadaan meruncing kita akan import segera pada bila-bila masa," katanya.

Headline	Jualan Syawal Madani di 113 cawangan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Apr 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	8	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	319 cm <sup>2</sup>
Journalist	PETALING JAYA	AdValue	RM 6,763
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,289



# Jualan Syawal Madani di 113 cawangan

Tawar pelbagai barangan keperluan harian dengan harga 30 peratus lebih rendah

PETALING JAYA

Jualan Syawal Madani yang diadakan sempena Aidilfitri di 113 cawangan di seluruh negara menawarkan pelbagai barangan keperluan harian dengan harga lebih rendah sehingga 30 peratus berbanding di pasar biasa.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, program jualan itu dijalankan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama)

menerusi pasar tani, pasar tani kekal, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Medan Niaga Satok (MNS) bermula Sabtu sehingga hari raya nanti.

"Jualan Syawal Madani dianggarkan lebih murah berbanding pasar luar dengan perbezaan harga kira-kira 10 hingga 30 peratus kerana Fama yang berada di bawah KPKM bukan berasaskan keuntungan tetapi lebih kepada perkhidmatan.

"Selain daging, ayam dan sayur-sayuran, pengguna juga berpeluang mendapatkan bekalan juadah Aidilfitri seperti ketupat, rendang, lemang dan kuih-muih untuk keperluan hari raya yang turut dijual di outlet pemasaran ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Program Jualan Syawal Madani Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 di Pasar Tani Seksyen 6, Kelana Jaya di sini pada Sabtu.



Mohamad (tengah) melawat tapak jualan barangan keperluan pada Majlis Pelancaran Program Jualan Syawal Madani Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 di Pasar Tani Seksyen 6 Kelana Jaya pada Sabtu.

Pada masa sama, Mohamad turut mengingatkan usahawan di setiap cawangan pemasaran Fama agar mematuhi Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHIMMP) Hari Raya

Puasa 2023 yang telah dikeluarkan oleh pihak KPDM.

Sementara itu, Mohamad turut memberi jaminan bekalan telur, daging, ayam, sayur-sayuran dan kelapa untuk

sambutan Aidilfitri yang bakal tiba mencukupi.

Katanya, pengguna tidak perlu bimbang mendapatkan barang keperluan tersebut kerana persediaan awal untuk menambah bekalan barangan berkenaan sentiasa dibuat agensi di bawah kementeriannya.

"Ayam, daging tiada masalah dan ini pun dah tinggal seminggu lagi untuk hari raya, insya-ALLAH cukup. Bekalan telur pun mencukupi dan kalau sesuatu tempat itu tiada bekalan telur, kita akan arahkan Fama memenuhi keperluan di situ," katanya.

Mengulas tentang isu pengimportan bekalan bekalan telur ayam, Mohamad berkata, pihak kementerian setakat ini telah membuat garis panduan yang membolehkan pengimportan dilakukan pada bila-bila masa sekiranya negara mengalami masalah kekurangan bekalan. - *Bernama*

Headline	Jamin makanan cukup ketika Aidilfitri		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	16 Apr 2023	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	166,774
Page No	15	Readership	500,322
Language	Malay	ArticleSize	345 cm <sup>2</sup>
Journalist	RASDAN AHMAD	AdValue	RM 8,953
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,859



Bekalan import akan tampung jika ada kekurangan

# Jamin makanan cukup ketika Aidilfitri

Oleh RASDAN AHMAD

**PETALING JAYA** – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan bekalan barangan asas seperti telur, ayam dan daging mencukupi menjelang Aidilfitri.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kementerian juga akan mengarahkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk memenuhi bekalan telur jika masih tidak mencukupi.

“Bagi telur import kita bincang dari semasa ke semasa. Kalau bekalan telur tempatan pula

tidak cukup, kita akan buat keputusan segera untuk memenuhi pasaran.

“Jika keadaan meruncing, kita akan import pada bila-bila masa. Kita sudah buat garis panduan untuk import kalau berlaku kekurangan yang ketara,” katanya selepas melancarkan Program Jualan Syawal Madani Peringkat Kebangsaan di Tapak Pasar Tani Seksyen 6, Kelana Jaya semalam.

Dalam pada itu, pelanggan mampu mendapat penjimatan antara 10 hingga 30 peratus berbanding pasaran luar pada Jualan Syawal Madani di 113 outlet pemasaran FAMA di

seluruh negara.

Mohamad berkata, ia memabatkan pasar tani, pasar tani kekal, Pusat Transformasi Luar Bandar dan Medan Niaga Satok.

“FAMA sebagai agensi tidak bermotifkan keuntungan tidak berhasrat bersaing dengan peniaga di luar dan jualan ini juga bertujuan meringankan beban khususnya golongan B40 dan M40.

“Bagi FAMA, asalkan tidak rugi sudah mencukupi. Kita bukan nak bersaing dengan pasaran luar, mereka boleh terus berniaga seperti biasa setiap hari,” jelasnya.



**MOHAMAD** melawat gerai yang terdapat di Pasar Tani Kelana Jaya pada Majlis Pelancaran Jualan Khas Syawal Madani Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 di Petaling Jaya semalam.

Headline	Adequate supply of egg, meat and vegetable during Eid al-Fitr, people not needing to stock		
MediaTitle	China Press		
Date	16 Apr 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A3	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	93 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,834
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,503



(八打灵再也15日讯)农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布保证,来临开斋节,全国各地都有足够的鸡蛋、肉类和蔬菜供应。

他说,民众也不用因担心粮食缺货前往疯狂抢购,农业部和有关当局会密切监督全国各地粮食供应。

“还有一星期就是开斋节,全部鸡蛋、肉类和蔬菜都供应充足,不用担心,也不用去抢购屯粮。”

莫哈末沙布今日出席“昌明开斋节销售活动”(Jualan Syawal MADANI)推介

## 民衆無需搶購囤糧

# 開齋節蛋肉菜供應足

礼后,向媒体这么指出。

另外,莫哈末沙布说,该部在全国113个地点举办的“昌明开斋节销售活动”,销售活动上售卖的必需品皆比市场价格低10%至30%。

他说,大马联邦农粮销售局(FAMA)通过农业市集、固定农业市集、乡区转型中心(RTC),以及砂拉越的砂督市集(Medan Naiga Satok),从农场送达新鲜农产品让民众选购。